

DI MANA BUMI DIPIJAK DI SITU LANGIT DIJUNJUNG

ORANG Melayu kaya dengan puisi tradisional. Pantun, syair, gurindam, seloka dan peribahasa tergolong dalam puisi tradisional. Semua puisi tradisional ini secara umumnya berfungsi untuk menyejahterakan kehidupan. Ajaran agama, moral, dan peraturan hidup serta perbuatan baik buruk dengan balasannya agar yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan. Kehidupan yang sejahtera merupakan kehidupan yang bahagia, aman, damai dan tenteram.

PERIBAHASA sebagai puisi tradisional merupakan bentuk susunan kata yang indah dalam bentuk kiasan dan berlapis bertujuan untuk mengajar dan menyindir manusia dalam kehidupan. "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung" ialah peribahasa yang membawa maksud seseorang atau sebilangan

orang yang banyak meninggalkan tanah kelahirannya dan berada di tanahnya menumpang atau menetap hendaklah mengikut adat dan peraturan yang diamalkan oleh masyarakat di tempatnya menumpang duduk atau menjadi tempat penempatannya. Peribahasa ini dengan maksud yang dikandungnya jelas

bertujuan untuk menegur, memberikan nasihat, dan pengajaran kepada seseorang yang bukan penduduk asal di tempat tersebut.

Orang Melayu zaman dahulu juga suka merantau, meninggalkan kampung halaman, menuju ke tempat perantauan di kampung atau negeri lain. Semasa



Semua kaum perlu menjunjung tinggi kedaulatan bahasa Melayu di negara ini.

dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Pada tahun
penulis sementara menulis bahasa Melayu.

berada di perantauan, mereka akan sentiasa mengikut ada resam yang diamalkan di tempat tersebut dan berpegang pada peribahasa “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.” Mereka akan hidup bermasyarakat dengan orang tempatan supaya budaya hidup lebih dapat difahami dan diikuti. Mereka sedar sekiranya mereka melanggarnya, mereka akan dianggap kurang ajar. Malah, musibah yang lebih buruk akan menimpa diri jika dianggap tidak tahu adat.

Peribahasa “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung” bukan sahaja sesuai digunakan pada zaman tradisional, tetapi relevan pada semua zaman, baik semasa zaman tanah air dijajah yang bermula dengan Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan Inggeris yang kembali menjajah semula mahupun zaman selepas tanah air mencapai kemerdekaan. Banyak aspek dapat dilihat dan dihubungkan dengan peribahasa tersebut yang memerlukan orang luar untuk menyesuaikan diri dan taat dengan adat resam serta peraturan di tempatnya berada.

Bahasa Melayu merupakan antara aspek yang dapat dihubungkan dengan “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.” Melaka pada zaman kegemilangannya menjadi pusat perdagangan antarabangsa, pusat keilmuan dan pusat kebudayaan, serta bahasa Melayu menjadi *lingua franca* pada ketika itu. Segala urusan perniagaan, keagamaan dan kebudayaan yang dilakukan akan menggunakan bahasa Melayu. Bertitik tolak daripada keperluan tersebut, sesiapa sahaja dari luar yang datang ke Melaka akan berusaha mempelajari bahasa Melayu yang menjadi alat komunikasi, baik dengan penduduk tempatan mahupun dengan orang dari negeri luar yang berurusan di kota yang telah termahsyur dari Timur hingga ke Barat itu.

Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis dan Belanda tidak memberikan kesan yang besar terhadap perkembangan


bahasa Melayu. Namun demikian, apabila Inggeris mula menjajah seluruh tanah air dalam tempoh yang sangat panjang, kesannya sangat besar terhadap bahasa, budaya dan seluruh aspek kehidupan orang Melayu. Orang Melayu mula belajar menguasai bahasa Inggeris dalam perbualan dan penulisan. Mereka sangat bangga jika berkebolehan bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris. Peluang mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lebih lumayan sering ditawarkan kepada mereka yang menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Faktor inilah yang menjadi salah satu sebab mengapa rakyat bersungguh-sungguh belajar bahasa Inggeris yang dianggap sebagai bahasa milik bangsa yang telah mencapai kemajuan yang tinggi dalam kehidupan moden. Gambaran ini menunjukkan bahawa “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung” mula diabaikan sebagai pegangan dan panduan hidup.

Tanah air mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Negara yang merdeka dan berdaulat memerlukan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negaranya sendiri. Bahasa Melayu menjadi bahasa pertuturan penduduk majoriti di tanah air ini sejak sebelum kedatangan Inggeris lagi. Bahasa Melayu tetap menjadi bahasa yang dituturkan oleh orang-orang Cina dan India yang dibawa masuk oleh penjajah Inggeris secara beramai-ramai untuk bekerja di lombong dan ladang getah. Bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara dan termaktub dalam Perlembagaan Negara. Perkara 152 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan sangat jelas menyatakan bahawa “Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang

diperuntukkan dalam undang-undang oleh Parlimen”.

Hingga 31 Ogos 2020, negara kita sudah 63 tahun mencapai kemerdekaan. Sepanjang tempoh tersebut, bahasa Melayu belum dapat mencapai tahap kedudukan yang tinggi seperti yang tercatat dalam perlembagaan. Pengetahuan ini diperolehi daripada pembacaan dan pemerhatian terhadap reaksi warganegara terhadap bahasa Melayu yang salah satu fungsinya adalah untuk menyatukan rakyat pelbagai kaum di tanah air ini. Kerajaan melakukan pelbagai usaha untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan warganegara seperti yang terpancar pada slogan “Cintailah Bahasa Kita” dan pemartabatan bahasa Melayu melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan.

Usaha ini masih belum berjaya sepenuhnya kerana bahasa Inggeris masih digunakan secara berleluasa baik dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Dalam sistem pendidikan tinggi misalnya, terutamanya institusi swasta, bahasa Inggeris masih menjadi bahasa pengantar dalam bidang sains dan



matematik. Namun demikian, bahasa Inggeris masih dianggap sebagai penyalur ledakan ilmu berkaitan dengan sains dan teknologi, tetapi bahasa Melayu sebagai dasar pendidikan negara tidak wajar dikesampingkan kerana peminggirannya akan menyebabkan bahasa Melayu ketinggalan sebagai bahasa dalam kedua-dua bidang ilmu tersebut.

Meminggirkan bahasa Melayu sebagai bahasa dalam bidang sains dan matematik menyebabkan semua istilah dalam bahasa Melayu yang dicipta dan larasnya yang telah lama dikembangkan, tidak dapat dimanfaatkan lagi. Kajian membuktikan bahawa para pelajar kurang berkemampuan untuk menguasai kedua-dua disiplin ilmu itu dengan baik apabila disampaikan dalam bahasa Inggeris. Maka, penyampaian dan pembudayaan ilmu pengetahuan kepada rakyat seharusnya dilakukan dalam bahasa yang paling mudah difahami oleh rakyat, iaitu bahasa kebangsaan negara itu sendiri.

Kerajaan juga menghadapi masalah dan bahasa Melayu juga terancam apabila golongan pendesak mendesak supaya kerajaan mengiktiraf kelulusan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) yang digunakan oleh pelajar sekolah menengah persendirian Cina. Sekolah-sekolah ini tidak menggunakan kurikulum yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, sebaliknya menggunakan kurikulum sendiri. Justeru, desakan ini seperti mencabar kerajaan dan kurikulum pendidikan negara.

Walau bagaimanapun, kerajaan tidak melayan tuntutan pengiktirafan daripada golongan pendesak tersebut kerana kerajaan sedar bahawa tuntutan tersebut bertentangan dengan Perlembagaan Negara yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam bidang pendidikan. Namun demikian, dipercayai desakan demi desakan akan terus dilakukan oleh golongan ini dengan harapan suatu masa nanti kerajaan akan akur juga dengan tuntutan mereka.

Institusi perundangan merupakan sebuah lagi institusi yang memainkan peranan penting dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dalam Perlembagaan Persekutuan, penggabalan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) menunjukkan bahawa penggabalan undang-undang dilakukan bertujuan untuk memperkasakan lagi kedudukan bahasa Melayu di negara ini. Secara spesifiknya, pengenalan Seksyen 8 Akta 32 memperuntukkan segala prosiding di mahkamah hendaklah menggunakan bahasa Melayu. Peruntukan ini dengan jelas meletakkan suatu kewajiban kepada badan kehakiman dan pengamal undang-undang untuk melakukan prosiding dalam bahasa Melayu.

Realiti hari ini menunjukkan pelaksanaannya bertentangan dengan Seksyen 8 Akta 32. Rata-rata penghakiman di Malaysia masih disediakan dan diadakan secara meluas dalam bahasa Inggeris, manakala yang diadakan dalam bahasa Melayu sangat rendah jumlahnya. Nasib bahasa Melayu di tangan pengamal undang-undang semacam tidak mampu untuk berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bahasa Inggeris. Setelah 63 tahun merdeka dan generasi silih berganti generasi, maka sudah tiba masanya institusi kehakiman negara memastikan dasar Perlembagaan Negara yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan dijunjung tinggi.

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan wajib digunakan dalam semua urusan rasmi negara, tidak terkecuali ahli parlimen. Mereka tergolong dalam Badan Perundangan Persekutuan dan perlu menguasai dan menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan sepenuhnya ketika berbicara dan berbahas dalam sidang parlimen. Sebagai menghormati kedudukan bahasa Melayu, sekiranya perlu untuk menggunakan bahasa Inggeris, seseorang ahli parlimen itu hendaklah meminta izin daripada yang dipertua dewan terlebih dahulu.

Menyaksikan parlimen bersidang melalui kaca televisyen memperlihatkan beberapa orang ahli parlimen tidak dapat berbahas dan berhujah dalam bahasa Melayu dengan baik. Malah, terdapat ahli parlimen yang tidak fasih berbahasa Melayu. Suasana dalam Dewan Parlimen ketika ahli parlimen berbahas dan berhujah tentang dasar-dasar negara dengan penggunaan bahasa Melayu rojak sangat menyedihkan. Lebih menyedihkan lagi kerana terdapat ahli parlimen yang tidak fasih menggunakan bahasa kebangsaan dan amat sukar untuknya berhujah. Sepatutnya, ahli parlimen mesti berkemampuan menggunakan bahasa Melayu dengan baik kerana mereka terbabit secara langsung dengan kuasa perundangan yang telah menetapkan bahasa rasmi perbahasan ialah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

“Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung” sebagai peribahasa dengan maksud dan fungsinya yang telah dinyatakan itu belum mampu menjadi panduan hidup rakyat di negara ini secara menyeluruh. Bahasa Inggeris masih tetap mendapat tempat penting dalam sistem pendidikan dan perundangan, antaranya. Oleh itu, penerapan ilmu kepada masyarakat perlu dilakukan melalui bahasa Melayu dan ilmu yang berasal daripada pelbagai bahasa perlu melalui proses penterjemahan kepada bahasa Melayu untuk disebarkan kepada masyarakat pengguna.

Bahasa Melayu perlu menjadi bahasa untuk berkomunikasi bagi rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum agar Malaysia dapat mengikut jejak langkah seperti rakyat Jepun dan Korea yang tidak akan berkomunikasi sesama sendiri dengan menggunakan bahasa asing sebagai tanda taat dan setia kepada bahasa mereka. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris tidak akan dihalang penggunaannya selagi tidak melibatkan urusan rasmi negara kerana memartabatkan bahasa Melayu tidak bermakna meminggirkan bahasa Inggeris. **PB**